



HURAIAN...Jamil Khir menunjukkan kertas kerja Persidangan Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf 2011.

Skop sijil halal perlu diperluas

PUTRAJAYA: Skop pensijilan halal perlu diperluaskan lagi kepada produk bukan makanan termasuk logistik dan peralatan berikutan kesedaran tinggi di kalangan pengguna terutama umat Islam terhadap produk halal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, walaupun pada masa ini sudah ada garis panduan terperinci mengenai pensijilan halal bagi produk makanan dan farmaseutikal, tetapi garis panduan terhadap produk lain seperti bahan penyelenggaraan kereta belum diperkenalkan lagi.

Katanya, beliau pernah didatangi seorang operator atau mekanik yang bertugas menukar minyak pelincir ke dalam enjin kereta yang bertanyakan mengenai status halal minyak yang digunakan.

"Pada peringkat awalnya saya terfikir kenapa perlu mendapatkan sijil halal untuk minyak hitam kerana ia hanya dimasukkan

ke dalam enjin kereta, namun mekanik berkenaan memaklumkan pensijilan halal perlu untuk memberi keyakinan menggunakan produk itu.

"Dia (mekanik) itu ingin memastikan produk itu halal bagi membolehkan dia menunaikan solat tanpa was-was," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Badan Pensijilan Luar Negara Yang Diiktiraf 2011 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.

Hadir sama, timbalannya, Datuk Dr Mashitah Ibrahim; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Wan Muhammad Sheikh Abdul Aziz; Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Tan Sri Dr Abdul Shukor Hussin dan Pengarah Bahagian Hub Halal Jakim, Zainal Abidin Jaafar.

Persidangan disertai 52 badan pensijilan dari 26 negara itu bertujuan berbincang dan bertukar pandangan berhubung beberapa isu berkaitan pensijilan.